

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

Tuan Wan Hasan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai pinjaman FELDA sebanyak RM6 bilion daripada KWSP dan tujuan pinjaman dan status pembayaran balik sehingga September 2016.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Disember 2009, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah meluluskan pinjaman berjaminan kerajaan kepada FELDA sebanyak RM6,500 juta. Sehingga 30 September 2016, FELDA telah membuat pengeluaran secara berperingkat dengan jumlah sebanyak RM6,500 juta. Pembiayaan ini adalah bagi kegunaan Modal Kerja FELDA dan FGV masing-masing sebanyak RM3,598 juta dan RM2,902 juta.

FELDA telah menjelaskan sebanyak RM2,275 juta prinsipal, menjadikan baki prinsipal pinjaman FELDA yang perlu diselesaikan kepada KWSP berjumlah RM4,225 juta. FELDA dijangka akan menyelesaikan keseluruhan prinsipal dan keuntungan kepada KWSP bagi semua pengeluaran berkaitan pada tahun 2023. Sehingga kini FELDA tidak mempunyai sebarang masalah dalam membayar semula prinsipal dan keuntungan pinjaman KWSP ini.

Sekian. Terima kasih.